

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Insurance Berhad ("Kami")
Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai PAWer Insurance. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat.	PAWer Insurance Tarikh: <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

Produk ini memberi perlindungan kewangan sekiranya anda menanggung bil veterinar dan rawatan pembedahan kepada haiwan peliharaan anda disebabkan oleh penyakit atau kecederaan akibat kemalangan. Kami juga akan membayar balik kepada anda perbelanjaan berkaitan dengan kematian haiwan peliharaan dan perlindungan liabiliti pihak ketiga yang disebabkan oleh haiwan peliharaan anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?

Perlindungan / manfaat adalah diringkaskan seperti di bawah:

Seksyen Manfaat		Amaun Manfaat dalam Ringgit Malaysia (RM)		
		Perak	Emas	Platinum
Seksyen 1	Bayaran Veterinar dan Pembedahan disebabkan oleh kemalangan dan/ atau penyakit	Sehingga 3,500 setahun	Sehingga 5,000 setahun	Sehingga 8,000 setahun
	Termasuk:	10% bayaran bersama dikenakan	10% bayaran bersama dikenakan	10% bayaran bersama dikenakan
	a) Bermalam di klinik selepas pembedahan	Sehingga 3 malam	Bilangan malam tanpa had	Bilangan malam tanpa had
	b) Rawatan selepas pembedahan	Sehingga 30 hari	Sehingga 60 hari	Sehingga 60 hari
Seksyen 2	Perbelanjaan Pengebumian atau Pembakaran – meliputi caj pengendalian klinik/hospital veterinar atau penyedia perkhidmatan pengebumian	Tidak Dilindungi	Sehingga 500	Sehingga 1,000
Seksyen 3	Liabiliti pihak ketiga – terpakai untuk kucing sahaja	Tidak Dilindungi	Sehingga 10,000 setahun Ekses: 1,000	Sehingga 30,000 setahun Ekses: 1,000
	Liabiliti pihak ketiga – terpakai untuk anjing sahaja	Sehingga 5,000 setahun Ekses: 500	Sehingga 30,000 setahun Ekses: 1,000	Sehingga 50,000 setahun Ekses: 1,000

Nota:

- Bayaran veterinar dan pembedahan yang layak ditanggung untuk haiwan peliharaan anda tertakluk kepada 10% bayaran bersama. Anda perlu menanggung 10% dan kami akan membayar balik kepada anda sehingga 90% untuk setiap tuntutan yang layak semasa tempoh insurans, tertakluk kepada jumlah maksimum pelan pilihan anda seperti yang ditunjukkan dalam jadual manfaat.
- Manfaat Pengebumian atau Pembakaran adalah berdasarkan kos sebenar yang ditanggung akibat dari kematian haiwan peliharaan anda dan kos sehingga jumlah maksimum pelan pilihan anda seperti yang ditunjukkan dalam jadual manfaat.
- Jika haiwan peliharaan anda menyebabkan kecederaan kepada pihak ketiga atau merosakkan harta benda kepunyaan pihak ketiga dan anda bertanggungjawab di bawah undang-undang, kami akan melindungi anda untuk kos dan belanja guaman di bawah manfaat Liabiliti Pihak Ketiga, jika berkenaan, berdasarkan pelan yang anda pilih, tertakluk kepada ekses yang dikenakan.
- Tempoh perlindungan adalah satu tahun dan anda perlu memperbaharui kontrak polisi ini secara tahunan. Premium boleh dibayar secara tahunan.
- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai manfaat-manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang dipilih seperti ditunjukkan di bawah:

Jenis Haiwan Peliharaan	Premium Asas Tahunan (RM)		
	Perak	Emas	Platinum
Kucing	290	390	490
Anjing	540	640	790

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkaitan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara	25% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?

Kepentingan pendedahan

- Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam borang permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajiban pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan tidak tepat atau telah berubah.

Kelayakan

- Anda sebagai pemilik haiwan peliharaan mesti berumur lapan belas (18) tahun dan mempunyai dokumen pengesahan Malaysia yang sah seperti kad pengenalan, pas pekerja, permit kerja, pas lawatan jangka panjang atau pas pelajar.
- Haiwan peliharaan anda mesti berumur di antara dua belas (12) minggu sehingga sepuluh (10) tahun semasa tarikh permulaan polisi ini, dan perlindungan untuk haiwan peliharaan boleh diberikan hingga umur maksimum tiga belas (13) tahun. Haiwan peliharaan anda mesti bebas daripada kecederaan/kecacatan fizikal, sepanjang masa dalam jagaan anda atau keluarga anda yang tinggal bersama anda di Malaysia, dan bukan haiwan peliharaan yang bekerja (digunakan untuk berlumba, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang, pengawal atau kegunaan komersial lain).
- Untuk anjing – ia mesti dipasang mikrochip dan berlesen dan tidak tergolong di bawah baka yang dilarang atau dikenakan sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan.
- Untuk kucing – anda mesti memberikan sijil kad perubatan dari doktor veterinar berdaftar dengan maklumat mengenai haiwan peliharaan dan pemiliknya termasuk nama dan gambar haiwan peliharaan.

Rekod – Anda dikehendaki memberikan rekod yang dimiliki oleh doktor veterinar mengenai kelayakan haiwan peliharaan anda dalam masa empat belas (14) hari daripada mengambil polisi ini. Kegagalan memberikan rekod dalam tempoh ini akan menjadikan polisi tidak sah dan anda berhak mendapat bayaran balik premium. Tiada tuntutan akan dibayar jika anda belum menyerahkan rekod berkenaan haiwan peliharaan anda.

Had Wilayah – Haiwan peliharaan anda dilindungi semasa ianya berada di Malaysia sahaja.

Tunai Sebelum Perlindungan – Premium perlu dibayar sebelum perlindungan berkuatkuasa.

Tempoh Menunggu – Haiwan peliharaan anda tidak akan dilindungi untuk sebarang penyakit dalam tempoh empat belas (14) hari pertama daripada hari anda mengambil polisi ini.

Bayaran Bersama dan Ekses – Bahagian daripada jumlah tuntutan yang anda perlu bayar untuk setiap tuntutan.

Tuntutan – Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tujuh (7) hari selepas tarikh mana-mana kejadian yang membolehkan anda membuat tuntutan. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Keadaan sedia ada;
- Penyakit yang berlaku semasa tempoh empat belas (14) hari pertama dari tarikh permulaan polisi;
- Sebarang tuntutan yang membabitkan haiwan peliharaan anda yang tidak boleh dikenal pasti secara tetap dan positif melalui mikrochip dalam kes anjing atau rekod yang dapat dikenal pasti dalam kes kucing;
- Kehamilan, kelahiran atau pembiakan dan apa-apa komplikasi daripadanya;
- Keadaan kongenital, latihan atau terapi untuk penyakit tingkah laku;
- Pemindahan organ, implan pembedahan, alat bantuan dan prostetik;
- Rawatan rutin dan berbentuk pencegahan;
- Haiwan peliharaan yang tergolong di bawah baka yang dilarang atau dikenakan sekatan atau pelupusan haiwan peliharaan anda yang diharamkan atau dilarang atau dianggap berbahaya atau akibat penyembelihan sengaja oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan;
- Kecederaan disebabkan penganiayaan, niat jahat atau disengajakan atau kecuai anda terhadap haiwan peliharaan;
- Kemalangan yang berkaitan dengan penggunaan haiwan peliharaan anda untuk tujuan komersial, pekerjaan, profesional atau perniagaan termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang atau kawalan;
- Kejadian yang berlaku di luar Malaysia.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, kami akan mengembalikan premium secara pro-rata dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh insurans.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai insurans ini, sila hubungi kami di:

Etiqua General Insurance Berhad (190701000276)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqua Oneline: 1300 13 8888

E-mel: info@etiqua.com.my

Laman Web: www.etiqua.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans yang sama yang boleh didapati

Sila rujuk kepada kami untuk maklumat tentang perlindungan lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMUASKAN HATI ANDA BAHAWA POLISI INI ADALAH TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada [<dd/mm/yyyy>](#).